



فجاجة قربندهاران نكري كلنتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami : PKN.D.11/4 Jld.15(80)
Bertarikh : 11 Syawal 1447H
31 Mac 2026

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Yang Berhormat Mulia Tengku/Yang Berhormat Dato'/Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan,

PINDAAN TARIKH PEMBAYARAN GAJI PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN BAGI BULAN APRIL TAHUN 2026

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat no. rujukan: PKN.D.11/4 Jld.15(62) bertarikh 25 November 2025 adalah dirujuk.

2. Seperti yang sedia maklum, tarikh pembayaran gaji pada bulan April 2026 adalah pada 20 April 2026, selaras dengan tarikh pembayaran gaji penjawat awam Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, susulan pengumuman Kerajaan Persekutuan berhubung perubahan tarikh pembayaran emolumen penjawat awam Persekutuan bagi bulan April 2026 kepada 16 April 2026, Kerajaan Negeri Kelantan akan meminda tarikh pembayaran gaji penjawat awam Negeri Kelantan dari tarikh asal kepada 16 April 2026.

3. Pihak Pusat Pembayaran Gaji adalah dipohon agar mematuhi tarikh kunci masuk maklumat perubahan gaji dalam sistem iSPEKS serta mengemukakan Borang Perubahan Gaji (Kew.320) bersama dokumen sokongan yang lengkap mengikut tarikh yang dinyatakan. Tindakan ini penting bagi memastikan pembayaran gaji dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

4. Surat pindaan tarikh pembayaran gaji ini turut dipanjangkan kepada semua Badan Berkanun Negeri, Yayasan Negeri, serta Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan pemakaian, tertakluk kepada penerimaan dan kelulusan pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, S.P.S.K, P.M.K. (Kelantan)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan